

31 JUL 2001

DINAR-SEMINAR (BERGAMBAR)

SEMINAR UNTUK BINCANG DINAR EMAS ISLAM SEBAGAI MATA WANG DUNIA

Oleh: Alan Ting

PUTRAJAYA, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercadang untuk mengadakan seminar bagi membincangkan pengenalan dinar emas Islam sebagai mata wang dunia dan menentukan segala parameter penggunaannya serta dimensi aplikasinya.

Seorang pakar mengenai dinar emas Islam, Rais Umar Ibrahim Vadillo berkata, perkara itu telah dinyatakan kepadanya oleh Dr Mahathir semasa pertemuan sejam mereka di pejabat Perdana Menteri di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas menemani cendekiawan Muslim terkenal, Shaykh Abdalqadir as-Sufi, yang mengadakan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri, Rais Umar berkata Dr Mahathir telah melahirkan hasratnya untuk mengujudkan dinar emas Islam sebagai mata wang dunia.

"Sebaik sahaja Malaysia mengujudkan mata wang emas sebagai wang sah, seperti kruggerand Afrika Selatan, baru anda (dengan berupaya) mengadakan mata wang untuk satu bilion Muslim," kata beliau.

Selain menjadi cara pembayaran bagi satu daripada komuniti terbesar dan paling serumpun dalam dunia, dinar Islam juga dilihat oleh ramai orang sebagai satu-satunya cabaran sebenar "kepada kekuasaan ke atas dolar AS", katanya.

"Emas sendiri bukan satu perjanjian pembayaran tetapi merupakan barang dagangan, satu komoditi. Ia mempunyai nilai tersendiri dan tidak mempunyai inflasi."

Rais Umar berkata kajian terhadap ciri-ciri emas sepanjang beberapa abad menunjukkan bahawa harga emas adalah tetap.

"Tidak seperti mata wang kertas, sekeping emas mempunyai nilai daripada hari pertama lagi."

Beliau berkata penggunaan dinar Islam yang berkembang akan meningkatkan fungsionalitinya dan ini tidak perlu melalui proses politik.

"Ia sepatutnya melalui penggunaan syiling yang spontan. Biarkan orang ramai menggunakan syiling itu. Terdapat berjuta orang menggunakan dinar Islam di dalam dunia Islam."

Rais Umar berkata ia tidak bergantung kepada ramai mana orang berdagang dengannya.

"Kita boleh mengujudkan blok perdagangan dengan menggunakan syiling emas walaupun hanya 20 orang yang berdagang dengannya. Emas tidak bergantung terhadap kredibiliti pihak berkuasa politik, emas bergantung pada dirinya sendiri. Itulah sebab kenapa ianya mungkin boleh berjaya," katanya ketika merujuk kepada kemungkinan dinar emas Islam menjadi mata wang dunia.

Rais Umar, ketua pergerakan Murabitun Seluruh Dunia, tiba di sini semalam bagi lawatan selama dua minggu bersama-sama Shaykh Abdalqadir, seorang pensyarah Islam terkenal dan penulis yang dilahirkan di Scotland.

Bagaimanapun, Rais Umar tidak menyatakan bila seminar berkenaan akan diadakan kecuali menyatakan bahawa Malaysia boleh memainkan peranan peneraju dalam mengujudkan mata wang emas itu sebagai wang sah diperlakukan memandangkan ia akan memberi faedah kepada satu bilion pengguna di dunia.

Sementara itu, Shaykh Abdalqadir berkata rakyat Malaysia beruntung kerana mempunyai pemimpin seperti Dr Mahathir yang mengetahui kesan manipulasi mata wang kertas dan mereka di sebaliknya.

Beliau berkata Dr Mahathir telah mendedahkan taktik kuasa-kuasa kapitalis tertentu yang telah memiskinkan beberapa ekonomi Asia apabila mereka (kapitalis) memusnahkan mata wang mereka.

Beliau memuji Dr Mahathir kerana menjadi pemimpin Islam ternama yang telah menyatakan tenentangan terhadap manipulator-manipulator itu.

Beliau juga yakin bahawa Dr Mahathir akan menerajui dalam penggunaan yang lebih meluas wang sebenar melalui dinar emas Islam itu.

Kali terakhir Shaykh Abdalqadir melawat Malaysia ialah dalam tahun 1990 dan telah dijemput untuk menyampaikan syarahan di Universiti Malaya. --

BERNAMA

AT SHY NHD OS